




**TUN DR. ISMAIL**

*Merintis Kepemimpinan Berintegriti*



  
Penerbit  
UTHM

2012

© Penerbit UTHM  
Cetakan Pertama 2012

*Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Pejabat Penerbit, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.*

*Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan*

*Khairul Azman Suhaimy*

*Tun Dr. Ismail : merintis kepimpinan berintegriti /  
Khairul Azman Suhaimy, Hussain Othman, Mustaffa Ibrahim.*

*Bibliografi: ms. 137*

*ISBN 978-967-0468-23-5*

*1. Ismail Abdul Rahman, Tun, 1915-1973.*

*2. Cabinet officers--Malaysia--Biography.*

*3. Politicians--Malaysia--Biography. 4. Malaysia--Politics and government*

*I. Hussain Othman. II. Musaffa Ibrahim. III. Judul.*

*923.2595*

*Diterbitkan oleh:*

*Penerbit UTHM*

*Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*

*86400 Parit Raja,*

*Batu Pahat, Johor*

*No. Tel: 07-453 7051 / 7454*

*No. Faks: 07-453 6145*

*Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>*

*E-mel: [pt@uthm.edu.my](mailto:pt@uthm.edu.my)*

*Penerbit UTHM adalah anggota  
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia  
(MAPIM)*

*Dicetak oleh:*

*Percetakan Nasional Malaysia Berhad*

*Jalan Datin Halimah*

*80350 Johor Bahru*

*Johor*

## **SIDANG PENGARANG**



**KETUA PENGARANG**  
Khairul Azman Suhaimy

**PENGARANG**  
Hussain Othman  
Mustaffa Ibrahim  
Shafry Salim  
Siti Zaitun Ali  
Mohd Fahmi Ghafir  
Zusahidah Husni  
Zamri Ahmad  
Mohd Fadel Alwi  
Roslinda Seswoya  
Herdawatie Abd. Kadir  
Izat Sani Sewito  
Fakarul Hakim Hanizam  
Zuikarnain Daud

## **KANDUNGAN**



Bab-Bab	Halaman
Latar Pemimpin Cemerlang dan Tegas	1
Kekentalan Perjuangan Seorang Nasionalis	23
Menyusuri Kecemerlangan Pentadbiran	45
Merintis Kepemimpinan Berintegriti	75
Cetusan Pemikiran Seorang Negarawan	91
Lampiran	
Keratan Akhbar	101
Namamu Diabadikan	133
Bibliografi	137
Indeks	143

## SEKAPUR SIRIH



Saya amat berbesar hati kerana diberi penghormatan untuk mencoret kata-kata dalam buku yang amat besar maknanya kepada warga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), khususnya Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail. Buku ini menceritakan tentang riwayat hidup dan sumbangan besar Allahyarham Tun Dr. Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman. Beliau merupakan Timbalan Perdana Menteri kedua dalam sejarah kepemimpinan negara dengan memainkan peranan besar bagi mencapai kemerdekaan, memulihkan keamanan negara selepas peristiwa 13 Mei dan memastikan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) termasuk Rancangan Malaysia Kedua. Justeru, salah sebuah kolej kediaman di UTHM telah diabadikan nama beliau –Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail bagi mengenang jasa-jasa beliau dalam sejarah tanahair.

Tun Dr. Ismail: Merintis Kepemimpinan Berintegriti, tajuk kepada naskhah ini akan menjadi sumber dalam menjelaskan rentetan peristiwa-peristiwa sejarah Malaysia. Buku ini berkaitan dengan keperibadian, pemikiran dan pengorbanan Tun Dr. Ismail yang sangat berharga untuk direnungi dan ditauladani bersama. Di kala kita sedang mencari-cari nilai kepemimpinan untuk dijadikan contoh bagi mengukuhkan kemahiran insaniah pelajar, Tun Dr. Ismail adalah rujukan terbaik. Ini berdasarkan catatan dalam buku ini dengan jelas menggambarkannya sebagai pemimpin yang bijaksana, pragmatik dan menekankan integriti dalam setiap tindakan yang dilakukan.

Tidak dapat dinafikan buku ini akan membuka ruang untuk memahami dasar pembentukan negara daripada perspektif Tun Dr. Ismail seperti perpaduan, keharmonian, keselamatan dan lain-lain. Melalui buku ini, kita sebagai rakyat Malaysia dapat menghargai pengabdian dan pengorbanan beliau dalam sejarah tanahair. Bak kata Panel Pengarang, sejarah tidak harus melupakan jasa negarawan ini, khususnya dalam merintis nilai-nilai yang menjadi dasar kepada amalan dan pendekatan integriti dalam kehidupan hari ini. Justeru, gelaran “BAPA INTEGRITI” sesuatu yang bertepatan dalam menghargai sumbangan beliau dalam sejarah kepemimpinan dan pembangunan negara. Akhir sekali, saya berharap buku ini akan menjadi rujukan rakyat Malaysia yang cintakan keamanan dan keharmonian pada masa depan. Selamat membaca.

Prof. Ir. Dr. Amir Hashim b. Mohd Kassim  
Penolong Naib Canselor  
Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA)  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)